

SASARAN DAKWAH
PADA MASA NABI S.A.W.:
KAJIAN TERHADAP SISTEM KEPERCAYAAN

Ab. Aziz bin Mohd. Zin
Fakulti Usuluddin
Akademi Islam Universiti Malaya

The article discusses worshipping activities among the Arab community before Islam, such as belief in God, idolatry and belief in ghosts. Some of the Arabs also worshipped stars, sun and moon.

Synopsis

Masyarakat Arab jahiliah¹ adalah masyarakat sasaran dakwah Nabi Muhammad s.a.w. yang mula-mula dan secara langsung. Kajian ini cuba menyingkap sistem kepercayaan yang terdapat di kalangan orang Arab jahiliah.

¹Jahiliah bererti tidak mengikut agama Allah, tidak menggunakan akal fikiran, takbur, sombong dan pemaarah.

Dr. Jawad `Ali, *Al-Mufassal fi Tarikh al-`Arab qabl al-Islam*, Darul `Ilm lil-Malayin, Beirut/Maktabah al-Nahdah Baghdad, 1968, J. I, hal. 40.

Muhammad Qutb, *Jahiliah al-Qarn al-`Ishrin*, Maktabah Wahbah al-Qahirah, 1964, hal.9.

Dalam konteks dakwah, kajian dalam tajuk ini amat penting, kerana ia merupakan latar belakang kepada dakwah Nabi s.a.w. Sedangkan kajian terhadap dakwah Nabi s.a.w. tidak akan sempurna, jika tidak diketahui terlebih dahulu keadaan masyarakat pada ketika itu. Di samping itu, kajian ini juga boleh menjadi bahan perbandingan dengan masyarakat bukan Islam sekarang, khususnya yang menganuti fahaman keberhalaan untuk disusun satu metod dakwah yang sesuai bagi mereka.

Kajian terhadap sasaran dakwah boleh dilihat dari berbagai-bagai sudut. Tetapi, sudut kepercayaan adalah yang terpenting, kerana pengaruh kepercayaan paling banyak memberi kesan kepada kehidupan seseorang.

Kajian ini banyak bergantung kepada sejarah, dan untuk mengawal mutu hasil yang dicapai, penulis cuba menggali sejarah-sejarah silam berhubung dengan tajuk ini yang ditulis oleh tokoh-tokohnya.

Pendahuluan

Masyarakat Arab semasa kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. (675 M) yang dikenali dengan masyarakat Arab jahiliah merupakan sebuah masyarakat yang unik. Keunikannya disebabkan di dalamnya bercampur berbagai-bagai unsur buruk dan baik dan menjadi asas kepada kelahiran nabi yang akhir zaman.

Untuk mengenal pasti keadaan masyarakat Arab jahiliah, banyak sudut kehidupannya perlu dikaji. Namun dalam konteks dakwah, sudut yang mula-mula dan terpenting ialah yang berhubungan dengan kepercayaan.

1. KEPERCAYAAN KEAGAMAAN

Taburan agama di Semenanjung Tanah Arab terbahagi kepada beberapa sistem kepercayaan. Ada kepercayaan penyembahan patung berhala. Ada agama Yahudi. Ada agama Kristian. Ada golongan yang tidak mempercayai kebangkitan semula. Ada kepercayaan Majusi. Ada golongan *hanif*. Ada golongan yang memuja cakerawala dan ada lain-lain lagi.

Abu al-Hasan `Ali ibn al-Husien ibn `Ali al-Mas`udi (m. 956 M / 346 H) menjelaskan mengenai kepercayaan orang Arab bahawa ia terbahagi kepada beberapa kumpulan agama. Ada yang mempercayai adanya pencipta alam ini, mempercayai kebangkitan semula dan mempercayai pembalasan dosa dan pahala. Ada yang mempercayai adanya pencipta alam ini, mempercayai kebangkitan semula, tetapi menolak kerasulan dan memuja patung-patung berhala. Ada yang mengakui adanya pencipta, tetapi menolak kerasulan dan kebangkitan semula (*Ahl al-Dahr*). Ada yang cenderung kepada agama Yahudi dan ada pula yang cenderung kepada agama Nasrani. Ada yang memuja Malaikat dengan mempercayai Malaikat itu anak-anak Tuhan, yang dijadikan sebagai peranta-

raan kepada Tuhan.¹

Dr. Jawad `Ali pula menerangkan bahawa orang Arab jahiliah menganuti bermacam-macam kepercayaan. Ada yang mempercayai wujudnya pencipta alam ini dan beriman kepada tauhid. Ada yang percayakan Allah tetapi menyembah patung-patung dengan sangkaan melalui patung-patung itu dapat mendampingi diri dengan Allah. Ada yang menyembah patung-patung dengan sangkaan patung-patung itu dapat memberikan manfaat dan mudarat. Ada yang menganut agama Yahudi dan ada pula yang menganut agama Nasrani. Ada yang menganut agama Majusi dan ada pula tidak mempercayai apa-apa. Mengikut beliau bahawa masyarakat jahiliah yang mempercayai kebangkitan semula adalah kecil sahaja. Bagi ahli sejarah, kerana kepercayaan kepada kebangkitan semula inilah maka ada orang yang mengikat unta di atas kubur seseorang yang mati. Unta itu dibiarkan di situ tanpa diberikan makanan dan minuman, sehingga ia mati kekeringan. Mengikut kepercayaan mereka, di atas unta inilah si mati itu *dihisharkan* di akhirat nanti.²

Abu al-Fath Muhammad ibn `Abd al-Karim ibn Abi Bakr Ahmad Shahrastani (479 - 548 H / 1086 or 87 - 1153 or 54 M) berpendapat bahawa dari sudut ketuhanan, kebangkitan dan kerasulan, orang Arab jahiliah terbahagi kepada tiga golongan. Golongan pertama, menolak adanya pencipta alam ini dan menolak kebangkitan semula. Golongan kedua, memperakui wujudnya pencipta, tetapi menolak kebangkitan semula. Golongan ketiga, memperakui adanya pencipta dan sebahagian kebangkitan semula, tetapi menolak kerasulan. Di samping itu golongan ini juga menyembah patung berhala.³

Dari beberapa fakta sejarah yang dipaparkan itu dapat disimpulkan dari sudut asas akidah, iaitu kepercayaan kepada adanya pencipta alam ini dan kepercayaan kepada kebangkitan semula, orang Arab jahiliah berpecah tiga. Ada golongan yang mempercayai kedua-duanya, ada golongan yang mempercayai yang pertama sahaja tidak yang kedua dan ada golongan yang tidak mempercayai kedua-duanya.

Kepercayaan keagamaan yang terdapat di kalangan masyarakat Arab jahiliah adalah sebagaimana berikut:

¹Al-Mas`udi, *Muruj al-Dhahab wa Ma`adin al-Jawhar*, Dar al-Kitab al-Lubnani 1982 M/1402 H, J. I, hal. 439.

²Jawad `Ali, *op.cit.*, J. VI, hal. 34 dan 133.

³Al-Shahrastani, *Al-Mital wa al-Nihal*, Tahqiq Muhammad Sayyid Kailani, Dar al-Ma`rifah Beirut 1395 H/1975 M, J. II, hal. 235 - 236.

i. Kepercayaan Keberhalaan

Orang Arab memuja dan menyembah benda-benda, terutamanya yang berbentuk patung berhala, kerana ia dianggap sebagai tuhan. Tetapi konsep tuhan bagi orang Arab jahiliah berlingkar di dalam satu kefahaman yang tertentu. Tuhan bagi mereka ialah benda-benda yang dipercayai boleh mempengaruhi kehidupan mereka, iaitu yang dipercayai boleh mendatangkan kebaikan atau menolak keburukan.

Dr. Sayyid `Abd al-`Aziz Salim menjelaskan bahawa orang Arab jahiliah menyembah patung berhala kerana mereka mempercayai bahawa ia dapat menurunkan hujan apakala diminta dan mengalahkan musuh-musuh.¹

Jawad `Ali pula menyebut bahawa sebab penting kenapa masyarakat dahulu (masyarakat Arab jahiliah) mempunyai banyak tuhan ialah kerana dorongan keadaan politik. Setiap kabilah memerlukan tuhan-tuhan yang boleh menjaga mereka daripada musuh dan memberikan kemenangan apakala berperang. Jika mereka kalah di dalam sesuatu peperangan, mereka mencari tuhan lain. Mereka berbuat demikian kerana pada anggapan mereka bahawa tuhan yang terdahulu lemah. Ia tidak dapat mempertahankan musuh. Maka bertambahlah tuhan-tuhan mereka.²

Tuhan di dalam agama orang Arab jahiliah adalah tuhan tempatan, iaitu hanya sama ada tuhan kabilah atau tuhan tempat. Tuhan pada pandangan mereka ialah pengawal kabilah dan pengawal tempat, yang mempertahankan mereka pada ketika aman dan perang.³

Mohd Mokhtar Shafii menjelaskan bahawa tuhan bagi orang Arab jahiliah dikaitkan dengan keperluan harian mereka. Dengan yang demikian, bentuk tuhan dan pemujaan, mengikut tempat tinggal dan pekerjaan mereka. Di kawasan pertanian, ramai yang menyembah matahari, kerana menganggap ia memberikan sumber kehidupan. Ada yang memuja pokok, kerana darinya mereka mendapat makan.⁴ Manakala

¹Salim, *Tarikh al-`Arab qabl al-Islam (1)*, Mu`assasah Shabab al-Jami`ah al-Iskandariyah, t.t. hal. 417.

²Jawad `Ali, *op.cit.*, J. VI, hal. 42

³*Ibid.*, hal. 185.

⁴Mohd Mokhtar Shafii, *Sebelum Dan Sesudah Wahyu*, Elman, Kuala Lumpur, 1988, hal. 79.

yang memuja dan menyembah patung-patung pula, kerana mereka mempercayai patung-patung itu dapat mengawal mereka dari balak.¹ Abu al-Mundhir Hisham ibn Muhammad ibn al-Saib al Kalbi (m. 2044 H / 819 or 820 M) menerangkan bahawa anggapan tuhan bagi masyarakat jahiliah sangat mudah terjadi. Contohnya, apabila mereka berjalan jauh (musafir) dan berhenti di suatu tempat, maka dipungutnya empat ketul batu. Batu yang paling baik sekali dijadikan tuhan dan yang tiga lagi dijadikan tuku untuk memasak. Apabila mereka meneruskan perjalanan, ditinggalkan tuhan itu. Begitulah keadaannya setiap kali mereka berhenti.²

Patung-patung berhala merupakan tuhan-tuhan yang utama bagi masyarakat Arab jahiliah. Patung-patung berhala memainkan peranan yang besar di dalam kehidupan mereka.

Dr. Ahmad Shalabi menjelaskan bahawa patung lambang kepada sesuatu kabilah, kerana patung mengawal kabilah dan tempat. Patung menolak balak. Patung memberi kemenangan di dalam sesuatu peperangan. Melalui patung ditentukan sesuatu pekerjaan, sama ada boleh dilakukan ataupun tidak. Patung menyatupadukan kabilah, kerana masing-masing anggota kabilah berteduh di bawah pemujaan patung-patung dan sama-sama mengikut arahan patung-patung yang dilakukan oleh ahli agama³ yang menerangkan hukum-hukum dan perintah-perintah dari tuhan. Patung sebagai perantaraan yang utuh dengan Allah untuk meminta syafaat-Nya. Dengan itu, patung-patung berhala terdapat di mana-mana di kalangan masyarakat jahiliah.⁴

Ibn al-Kalbi menyebut bahawa ada beberapa patung utama yang dipuja dan disembah oleh orang Arab jahiliah. Patung-patung tersebut ialah al-

¹Salim, *op.cit.*, hal. 406.

²Al-Kalbi, *Kitab al-Asnam*, bi Tahqiq al-Ustadh Ahmad Zaki Basha, Dar al-Kutub al-Misriyah, Kaherah, 1343 H / 1924 M, hal. 33.

³Yang dimaksudkan ahli agama ialah orang yang berkhidmat kepada patung-patung berhala, yang mendakwa bahawa mereka adalah jurucakap tuhan-tuhan. Mereka menjaga rumah-rumah pemujaan dan tempat-tempat yang dianggap suci dan mengenakan peraturan-peraturan bagi tempat-tempat tersebut.

Jawad `Ali, *op.cit.*, J. VI, hal. 212.

⁴Shalabi *Mawsu`ah al-Tarikh al-Islami wa al-hadarah al-Islamiyah (I)*, Maktabah al-Nahdah al-Misriyah, Kaherah, 1983/1984, hal. 169 dan Jawad `Ali, *op.cit.*, J. VI, hal. 212 dan 185.

lata, al-`Uzza, Manata dan Hubal. Orang Arab jahiliah percaya bahawa al-Lata, al-`Uzza dan Manata adalah anak-anak perempuan Allah yang boleh memberikan syafaat kepada orang yang memujanya.¹

Bagi masyarakat Arab jahiliah, dari sudut teorinya mereka mempercayai tentang kewujudan Allah, dengan sifat-sifat-Nya yang Maha Agung. Tetapi dari sudut amalan hari-hari, mereka seolah-olah menolak kewujudan Allah, kerana sikap mereka menafikannya.²

Selain daripada itu, ada orang Arab yang memuja dan menyembah cakerawala, seperti matahari, bulan dan bintang Zahrah.³

Dr. Muhammad Ibrahim al-Fayyumi menjelaskan bahawa golongan ini menyanjung dan membesarkan bintang-bintang lebih daripada had, sehingga sampai kepada pemujaan dan penyembahan. Mereka menjadikan sesetengah bintang sebagai perantaraan di dalam memohonkan hajat, menggunakan ilmu-ilmu bintang dalam menentukan sesuatu perkara, sihir, nujum dan sebagainya.⁴

Mengikut Dr. Shawqi Daif bahawa pemujaan bintang-bintang merupakan pusaka lama dari golongan yang memuja cakerawala. Ia pada asalnya dibawa oleh orang Arab selatan. Mereka menggambarkan tiga tuhan suci, iaitu Wad (bulan), al-Lata (matahari) dan al-`Uzza (bintang Zahrah).⁵

Dari keterangan-keterangan tersebut dapat disimpulkan bahawa peranan patung dalam masyarakat Arab jahiliah sangat besar. Kepercayaan dan pemujaan terhadap patung berhala dan sebagainya yang dianggap tuhan oleh masyarakat jahiliah, disebabkan oleh kepentingan kehidupan, sama ada untuk kepentingan peribadi atau kepentingan kumpulan. Benda-benda yang dianggap dapat memenuhi kemahuan mereka, dijadikan tuhan, dipuja dan disembah. Dengan itu, tuhan bagi masyarakat jahiliah

¹Al-Kalbi, *op.cit.*, hal. 13-18, 19 dan 27.

²Muhammad Jawad Maghniyah, *Al-Tafsir al-Kashif*, Dar al-`Ilm lil-Malayin, Beirut, 1970, J. VII, hal. 168.

³Salim, *op.cit.*, hal. 426-427.

⁴Al-Fayyumi, *Fi al-Fikr al-Dini al-Jahili qabl al-Islam*, `Alam al-Kutub, Kaherah, 1979, hal. 112-113.

⁵Shawqi Daif, *Al-`Asr al-Jahili*, Dar al-Ma`arif bi Misr, Kaherah, t.t. hal. 89.

amat banyak.

ii. Agama Yahudi

Terdapat di kalangan masyarakat Arab jahiliah di Semenanjung Tanah Arab sebilangan orang Yahudi. Mereka tinggal di beberapa tempat, seperti di antara Palestin dan Yathrib (Madinah) dan di Yaman. Mereka juga terdapat di Mekah, iaitu terutamanya dari golongan peniaga.¹

Agama orang Yahudi, iaitu agama Yahudi berdasarkan Tuhan yang satu, iaitu yang menciptakan alam dan memilih orang Israel² dengan kasih sayang yang digambarkan dengan turunnya Kitab Taurat kepada mereka.³

Mengikut agama Yahudi, orang Yahudi merupakan umat pilihan Allah.⁴ Roh orang Yahudi sebahagian daripada Tuhan, seperti anak sebahagian daripada bapa. Sedangkan roh orang bukan Yahudi datang dari roh-roh syaitan yang menyerupai roh-roh binatang.⁵

Keterangan-keterangan di atas menunjukkan bahawa orang Yahudi mengangkat diri mereka terlalu tinggi, di samping merendahkan diri orang lain serendah-rendahnya.

¹Jawad `Ali, *op.cit.*, J. VI, hal. 511

²Israel ialah bangsa Israel yang berasal dari keturunan Yakob. Manakala Yahudi ialah satu suku bangsa Israel keturunan Yehuda, iaitu anak keempat Yakob. Namun, masa-masa akhir ini antara Yahudi dan Israel tidak banyak bezanya. Kedua-duanya saling dipakai untuk satu sama lain.

Hassan Shadily dan kawan-kawannya, *ensiklopedia indonesia*, Ichtiar Baru - Van Hoeve Jakarta 1983, vol. VII, hal. 3959 dan vol. I, hal. 392.

³World Book Inc. *The World Book Encyclopedia*, World Book Inc. Chicago, 1985, vol. II, hal. 143.

Encyclopaedia Britannica Inc.,
The New Encyclopaedia Britannica,
Encyclopaedia Britannica Inc.,
Chicago, 1985, Vo. XXII, hal. 436.

⁴Shadily, *op.cit.*, vol. VII, hal. 3999.

⁵Shawqi `Abd al-Nasir, *Brutukulat Hukama' Sahyun wa Ta'alim al-Talmud*, cet. ketiga, t.t. hal. 33.

iii. Agama Nasrani

Pada masa Nabi Muhammad, agama Nasrani atau Kristian berpusat di Najran, iaitu sebuah bandar di bahagian selatan Arab Saudi. Pada ketika iaitu, agama ini tidak berpengaruh di Mekah dan di Yathrib.¹

Penganut agama Nasrani mengaku bahawa mereka adalah pengikut Nabi Isa a.s. yang mewarisi Kitab Injil. Mengikuti ajaran Nasrani, agama Nasrani adalah satu agama untuk manusia sejagat yang membawa mereka kepada keselamatan.²

Bagi orang Nasrani, Nabi Isa a.s. adalah anak Tuhan. Dia dihantar ke bumi untuk menyelamatkan manusia.³ Mereka mempercayai konsep *Trinity*, iaitu suatu konsep bahawa Tuhan atau Tuhan Bapa (The Father), Roh Kudus (Holy Spirit) dan Isa (Jesus Christ) itu berpadu menjadi satu.⁴

Bagi orang Nasrani, Nabi Isa a.s. mempunyai kelayakan dan kekuasaan yang mutlak dalam segala perkara yang diajarnya. Beliau juga mempunyai kuasa mutlak untuk mengampun dosa-dosa dan mengurniakan kehidupan yang kekal abadi kepada pengikut-pengikutnya.⁵

Di sini dapat dilihat bahawa orang Nasrani atau Kristian mengangkat Nabi Isa a.s. sangat tinggi, hingga sampai darjat ketuhanan dan mempunyai kuasa yang mutlak, seperti boleh mengampunkan dosa.

iv. Golongan *Mulhid*

Al-Mas`udi menjelaskan bahawa golongan *mulhid* ialah satu golongan yang menolak kerasulan seseorang rasul dan kebangkitan semula. Tetapi, mereka masih lagi memperakui adanya pencipta kepada alam ini. Golongan ini dinamakan juga *ahl al-dahr*. Golongan seperti ini terdapat

¹Shawqi Daif, *op.cit.*, hal. 99.

²Shadily, *op.cit.*, vol. IV, hal. 1889.

³World Book Inc. *op.cit.*, vol. II, hal. 82.

⁴*The Holy Bible*, (Revised Standard Version), The New Testament, Collins' Clear - Type Press, London, 1971, hal. 224.

⁵World Book Inc. *op.cit.*, hal. 87.

di kalangan orang Arab jahiliah.¹

Bagi al-Shahrastani, golongan yang dinamakan *ahl al-dahr* termasuk juga golongan yang menolak kewujudan pencipta alam ini.²

Berdasarkan kenyataan-kenyataan tersebut dapat dilihat bahawa ada di kalangan masyarakat Arab jahiliah golongan yang tidak mempercayai kepada kebangkitan semula, pencipta alam ini dan kerasulan yang diutuskan.

v. Golongan *al-Hunafa'*

Terdapat juga di kalangan masyarakat Arab jahiliah golongan yang masih terkawal kepercayaan mereka dari kesesatan dan penyelewengan kepercayaan. Golongan ini masih lagi mengikut keaslian agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. Mereka dinamakan golongan *al-Hunafa'*.³

Golongan ini mempercayai tentang keasaan Allah sebagai pencipta alam ini, kebangkitan semula dan pembalasan terhadap manusia di akhirat nanti.⁴

vi. Kepercayaan Majusi

Terdapat juga di kalangan masyarakat Arab jahiliah kepercayaan Majusi.

Kepercayaan Majusi ialah satu kepercayaan kepada dua kekuatan, iaitu cahaya yang dihubungkan dengan punca kebaikan dan gelap yang dihubungkan dengan punca keburukan. Mengikuti kepercayaan ini, cahaya dan gelap memainkan peranan ke atas alam ini. Walaupun begitu, kewujudan Allah masih diterima di dalam kepercayaan ini, tetapi bersama-sama kedua-dua kekuatan tersebut.⁵

¹Al-Mas`udi, *op.cit.*, J. I, hal. 439.

²Al-Shahrastani, *op.cit.*, hal. 235.

³Shalabi, *op.cit.*, hal. 168.

⁴Ali ibn Jabir al-Harbi, *Manhaj al-Da'wah al-Nabawiyah fi al-Marhalah al-Makkiyah*, al-Zahra' lil-'Ilam al-'Arabi, Kaherah, 1986, hal. 46.

⁵Shawqi Daif, *op.cit.*, hal. 89.

Mengikut al-Fayyumi, orang Majusi membesar-besar dan memuja-muja bintang-bintang yang mengeluarkan cahaya, di samping matahari. Bagi mereka, matahari punca segala yang hidup dan sebesar-besar perantaraan kepada Allah.¹

Kepercayaan Majusi berasal dari Farsi.² Al-Mas`udi menjelaskan bahawa orang Farsi memuja dan menyembah api. Mereka menjadikan api sebagai perantaraan dengan Allah, malah dipercayai dari jenis ketuhanan.³

Dari sini dapat dilihat bahawa cahaya, sama ada terang ataupun gelap mempunyai peranan mengikut kepercayaan Majusi dan ia dihubungkan dengan ketuhanan. Dengan itu, benda-benda yang mengeluarkan cahaya dipuja dan disembah oleh orang Majusi.

Kenyataan-kenyataan di atas menunjukkan bahawa terdapat di kalangan masyarakat Arab jahiliah bermacam-macam sistem kepercayaan, sama ada kepercayaan asal yang dipusakai turun temurun atau kepercayaan-kepercayaan yang dibawa dari luar Semenanjung Tanah Arab.

2. KEPERCAYAAN KEPADA BENDA-BENDA

Selain daripada kepercayaan yang berbentuk keagamaan dan ketuhanan, orang Arab jahiliah juga dipercayai benda-benda ghaib, seperti hantu, jin dan malaikat.

Al-Mas`udi menjelaskan bahawa orang Arab dipercayai bahawa hantu itu merayau-rayau di padang-padang pasir dan boleh berupa bermacam-macam rupa. Hantu boleh menyesatkan seseorang, kerana hantu boleh membawa seseorang ke mana yang ia mahu.⁴

Jawad `Ali pula menjelaskan bahawa mengikut kepercayaan orang Arab jahiliah, hantu merupakan antara benda ghaib yang merbahaya kepada masya-

¹Al-Fayyumi, *op.cit.*, hal. 159.

²Salim, *op.cit.*, hal. 427 - 428

³Al-Mas`udi, *op.cit.*, J. I, hal. 545.

⁴*Ibid.*, J. I, hal. 465.

rakat, kerana ia boleh menipu dan memudaratkan manusia.¹

Kepercayaan kepada jin lebih kuat dan lebih mendalam daripada kepercayaan kepada hantu di kalangan masyarakat Arab jahiliah. Ada sesetengah orang Arab mempercayai peranan dimainkan oleh jin lebih besar daripada peranan yang dimainkan oleh tuhan. Keadaan tersebut jelas, kerana sesetengah kerja yang dilakukan disandarkan kepada jin, tanpa disandarkan kepada tuhan-tuhan. Dengan itu mereka memuja dan menuntut keredaan jin lebih daripada mereka memuja tuhan-tuhan. Jin dapat menyakiti seseorang dan mengenakan penyakit-penyakit. Dengan itu keredaan jin adalah perlu bagi melindungi daripada balak-balak tersebut.²

Orang Arab jahiliah juga mempercayai yang malaikat merupakan roh-roh ghaib. Ada di kalangan orang jahiliah yang memuja dan menyembah malaikat. Mereka mempercayai bahawa malaikat itu anak-anak Allah.³

Orang Arab jahiliah juga suka mengamalkan perbuatan-perbuatan yang berunsurkan benda-benda ghaib seperti sihir dan nujum. Kepercayaan dan amalan sihir berlaku secara meluas di kalangan masyarakat jahiliah. Namun, kebanyakan amalan sihir datang dari kalangan orang Yahudi.⁴

Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud ibn Ahmad al-`Ayni (m. 855 H /1451 M) menjelaskan bahawa nujum merupakan satu amalan yang sangat popular pada masa jahiliah, terutamanya di kalangan orang Arab.⁵

Jawad `Ali menyebut bahawa mengikut kepercayaan orang Arab jahiliah bahawa ahli nujum menerima wahyu atau ilham perkhabaran dari "syaitan nujum" yang mencuri rahsia di langit dan dia memberitahunya ahli nujum. Ahli nujum adalah orang yang diminta nasihat dan pandangan di dalam sesuatu perkara di kalangan masyarakat Arab jahiliah.⁶

Kepercayaan khurafat kepada sesuatu benda, iaitu kepercayaan yang tidak

¹Jawad `Ali, *op.cit.*, J. VI, hal. 728

²*Ibid.*, hal. 709.

³*Ibid.*, hal. 737-738

⁴*Ibid.* hal. 740.

⁵Al-`Ayni, *Umdah al-Qari*, Dar al-Fikr, Beirut, t.t. J. II, hal. 275.

⁶Jawad `Ali, *op.cit.*, J. VI, hal. 758 dan 763.

berasas dan anggapan yang bukan-bukan, sama ada sempena baik, sempena buruk atau lain-lain mendapat tempat di kalangan orang Arab jahiliah.

Mengikut Shawqi Daif bahawa kepercayaan tersebut berdasarkan kepada kebanyakan orang Arab yang berfikir cara *totemism* iaitu menjadikan binatang-binatang tertentu sebagai pengawal dan pelindung daripada bahaya. Binatang-binatang seperti anjing, kerbau jantan, musang betina dan lain-lain. Keadaan ini berpunca dari kepercayaan mereka bahawa ada sesetengah binatang, tumbuhan dan sebagainya mempunyai kekuatan tersembunyi.¹

Malah, sesetengah golongan mempercayai lebih jauh dari itu. `Abd `Aziz Salim menjelaskan bahawa mengikut kepercayaan orang Arab pendalaman, kekuatan roh yang tersembunyi di dalam sesetengah binatang, burung, tumbuhan dan batu itu boleh mempengaruhi alam dan manusia.²

Antara benda yang menjadi kepercayaan khurafat orang Arab jahiliah ialah:

- i. Sempena baik pada burung merpati dan salakan anjing dengan kedatangan tamu. Sempena buruk dengan lembu jantan yang patah tanduk dan gagak.³
- ii. Apakala mereka keluar untuk sesuatu urusan, jika dilihat burung terbang sebelah kanan, diteruskan urusan itu kerana itu petanda baik. Tetapi jika dilihat burung terbang sebelah kiri, tidak diteruskannya kerana itu petanda buruk.⁴
- iii. Apabila gagak berbunyi dua kali, menandakan petanda buruk dan apabila ia berbunyi tiga kali menandakan petanda baik.⁵
- iv. Apabila mereka keluar untuk musafir, mereka datang ke suatu pokok dan mengikat satu dahannya. Apabila mereka kembali dan didapati ikatan itu terurai, mereka percaya bahawa isteri mereka telah mengianati mereka. Tetapi, jika didapati ikatan itu tidak berubah mereka

¹Shawqi Daif, *op. cit.*, hal. 89.

²Salim, *op. cit.*, hal. 406.

³*Ibid.*

⁴Al-Fayyumi, *op. cit.*, hal. 243.

⁵Jawad `Ali, *op. cit.*, J. VI, hal. 792.

percaya bahawa isteri tidak mengkhianati mereka.¹

- v. Apabila mereka hendak masuk ke sebuah kampung yang ditakuti ada penyakit atau jin, mereka berdiri di pintu masuk kampung itu lalu bersuara seperti keldai. Selepas itu digantung di atas pintu itu buku lali arnab. Dengan yang demikian dipercayai terlindung daripada wabak penyakit dan jin.²

Kenyataan-kenyataan tersebut menunjukkan bahawa kepercayaan orang Arab jahiliah penuh dengan khurafat dan karut marut yang menjadi pantang larang dan sempena-sempena yang dipatuhi.

Kesimpulan

Dari kajian yang telah dikemukakan itu, beberapa kesimpulan dapat dibuat, iaitu:

- i. Untuk memahami rahsia dakwah Nabi s.a.w., latar belakang masyarakat sasarannya hendaklah difahami terlebih dahulu.
- ii. Bermacam-macam kepercayaan dan agama terdapat di kalangan masyarakat Arab jahiliah. Tetapi bentuk kepercayaan yang utama ialah kepercayaan warisan nenek moyang yang dipanggil kepercayaan keberhalaan.
- iii. Patung berhala memainkan peranan yang besar di dalam masyarakat Arab jahiliah. Patung-patung berhala dianggap tuhan atau ada hubungan dengan Tuhan. Namun konsep tuhan bagi masyarakat jahiliah ialah setiap benda yang difikirkan dapat memberikan faedah kepada mereka dan dapat menolak balak.
- iv. Kepercayaan khurafat dan tahayul kepada sesuatu benda seperti binatang, tumbuhan, cakerawala dan sebagainya sangat tebal di kalangan masyarakat Arab jahiliah. Sesetengah binatang, bintang, tumbuhan dan sebagainya dipercayai mempunyai kekuatan roh di sebaliknya. Dengan itu, benda-benda itu dijadikan pelindung mereka, dipuja dan diberikan persembahan. Di samping itu, amalan sihir dan nujum menjadi-jadi.
- v. Sempena baik atau buruk pada sesuatu benda diikuti dengan sepenuhnya oleh orang Arab jahiliah.

¹ *Ibid.*, hal. 806.

² *Ibid.*, hal. 807.

- vi. Cara yang betul untuk berdakwah ialah bahawa setiap pendakwah itu mengetahui terlebih dahulu selok belok sasarannya, khususnya berhubung dengan kepercayaan dan agama.